

# Disiplin, tekun paduan penting bagi Ummah — Dr.M

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, tema Musabaqah Membaca Quran tahun ini "Disiplin dan Kesungguhan Bekerja dalam Islam" adalah selaras dengan usaha negara sekarang dalam memupuk semangat disiplin dan kesungguhan bekerja.

Perdana Menteri berkata, disiplin adalah rangka sistem nilai manakala peraturan pula menjadi daya penggerak bagi tindakan dan tingkah-laku seseorang itu.

Bellau menambah, kesungguhan yang dimaksudkan di dalam tema musabaqah kali ini ialah ketekunan dan dedikasi dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

"Dan bila dicantumkan, maka keduanya adalah begitu perlu di dalam Islam," katanya dalam perutusan di buku cenderamata Musabaqah Membaca Quran Peringkat Antarabangsa ke-23.

Musabaqah tersebut akan berlangsung selama lima malam mulai malam esok. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan berangkat untuk merasmikannya.

Perdana Menteri berharap umat Islam akan mengkaji dan meneliti prinsip disiplin dan kesungguhan seperti yang dituntut oleh Islam semasa musabaqah tersebut supaya tugas dan ibadat mereka di dunia dapat dijalankan dengan sempurna.

"Al-Quran banyak mengandungi petunjuk dan asas bagi membimbing manusia ke arah menyempurnakan tugas dan tanggungjawab terhadap diri dan keluarga serta masyarakat dan negara dengan betul.

"Kita hendaklah memahaminya dan berusaha menjadikan diri kita sebagai seorang Islam yang sebenar mukmin yang tulen," jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir lalu menggesa umat Islam supaya bersama-sama memupuk dan membangunkan semangat disiplin dan kesungguhan dalam ibadat dan kegiatan harian mereka agar segala amalan yang dikerjakan diredai Allah.

No. S

No. P